



WARTA CAHAYA

Nov 2023 | cahayasociety.org

KENALI KAMI!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

CAHAYA SOCIETY.ORG



BIKIN APA?



PROJEK ISKUL

Genap dua (2) bulan iaitu lapan siri Projek Iskul yang dioperasikan sepenuhnya oleh Kelab Alumni Cahaya; ruang pendidikan untuk anak-anak setinggan yang buta huruf.

BANTAHAN PINDAAN AKTA ZALIM

Cahaya Society bersama-sama rakan-rakan NGO dan jaringan di seluruh negara menolak pindaan perlembagaan persekutuan oleh KDN tentang kewarganegaraan yang akan merumitkan lagi isu ketanpanegaraan di Sabah.

PROGRAM JALINAN MESRA

Program Jalinan Mesra dan Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Jaringan Organisasi Ketiadanegaraan, Rakyat Tanpa Dokumen & Migran di Sabah anjuran ANAK bersama organisasi gabungan lain iaitu Global Shepherd, Borneo Komrad, Iskul Sama DiLaut Omodal, Buruh Migran Berdaulat.

PROJEK KESEJAHTERAAN SOSIOEKONOMI

Kelas Menjahit yang kita jalankan untuk ibukom telah sampai ke fasa penghasilan produk jahitan tangan ibukom. Improvisasi dan semakin kemas. Terima kasih Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia atas sokongan geran.

FESTIVAL ANAK KITA (FESTA) 2023


Festa 2023 kali ini bersempena Hari Kanak-Kanak Sedunia dan dijalankan bersama komuniti di Kg. Kagayan, Sandakan. Pelbagai acara bersama anak-anak dan komuniti. Turut ditaja oleh Budimas Charitable Foundation. Magsukul!

BIKIN APA?



WEBINAR CAHAYA

Sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia, ktia menjemput sumber pakar daripada The Centre for Child Right & Business, Iskul Sama DiLaut Omadal, dan Persatuan Penyakit Jarang Jumpa Malaysia untuk bercakap topik Hak Kanak-Kanak di Malaysia.



PELANCARAN SIRI OUR STORIES!

Our Stories adalah penerbitan atas talian bertajuk Undeclared: Stories from the Land di laman sesawang rasmi Cahaya Society. Kumpulan tulisan anak-anak cahaya (juga diterjemah ke Bahasa Inggeris) tentang kehidupan, perjalanan, cabaran dan identiti mereka.



BENGGEL NUTRISI & PEMAKANAN SIHAT

Bengkel piramid makanan oleh Coach Hadi daripada Liga Rakyat Demokratik. Termasuklah diskusi tertutup tentang aktivisme di Semenanjung Malaysia. Terima kasih komrad, datang lagi!



FORUM URUS TADBIR

Kesatuan Eropah menjemput Cahaya Society menjadi pembentang untuk isu Pendidikan Untuk Semua di acara Forum Tadbir Urus bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah, pemegang taruh dan organisasi masyarakat sivil di Kota Kinabalu, Sabah.



MAJLIS APRESIASI CAHAYA

Acara akhir dan apresiasi kepada anak-anak, guru dan komuniti sebelum pagar pendidikan ditangguhkan pada tahun ini. Acara ini merayakan kerja dan tungkus lumus anak-anak dalam mengumpul perjuangan pendidikan cita merdeka.

BULAN DEPAN, BIKIN APA?

Community Based Disaster Risk Management (CBDRM) Workshop

Kita akan bekerjasama dengan Mercy Malaysia menjalankan bengkel dan latihan pengurusan pra dan pasca bencana di tiga (3) lokaliti yang terlibat.

World Children Day

Kita akan menjadi pempamer, jurulatih Bengkel Ukulele Cahaya dan membuat persembahan di acara WCD anjuran Jabatan Ortopedik Sandakan di Hospita Duchess of Kent.

Cahaya in The City

Acara yang disusun oleh Light in the City bagi merayakan hari natal dan untuk tujuan menyokong kerja advokasi Cahaya Society. Bersama rakan strategik Pangrok Sulap.

Pelancaran Laporan Impak 2023

Laporan Impak tahunan adalah kompilasi kerja, analisis lapangan, laporan dana & perbelanjaan dan perancangan ke depan Cahaya Society.



***Sumbangan untuk tujuan
advokasi dan program
pendidikan alternatif ke:***

8603686012

Pertubuhan Pendidikan Anak
Cahaya Sabah - CIMB Bank




CAHAYA ENTERPRISE-QR



Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi.

Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan. Merdeka!



Website: cahayasociety.org
Facebook/Instagram/Linekdin: Cahaya Society
Email: cahayasociety@gmail.com

Alamat:
Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1, Jalan Leila, 90000 Sandakan, Sabah

No. Tel (Pejabat):
089 666 915

No. Tel (Admin):
012 828 4775 (Cik. Lia Ellyana)